

26 Mac 2018

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

## **RUMAH PAM MAK SULONG MASIH BELUM DIUJI DAN DISAH-GUNA**

PULAU PINANG, Isnin (26/3/2018): Rumah Pam Mak Sulong belum lagi diserahkan kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) kerana ia belum diuji dan disah-guna.

KeTTHA telah melaksanakan kerja-kerja untuk menaik taraf rumah pam itu sebagai sebahagian daripada Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP). Kerja-kerja ini pada mulanya dijadualkan siap pada November 2016 tetapi hanya siap pada Mei 2017.

Walau bagaimanapun, sehingga hari ini tiada sijil ujian sah guna telah dikeluarkan untuk Rumah Pam Mak Sulong. Sijil ujian sah guna adalah seperti OC untuk projek perumahan yang telah siap. Tanpa sijil ini, KeTTHA tidak boleh menyerahkan rumah pam kepada PBAPP.

Oleh itu, tuduhan yang dibuat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti (diterbitkan dalam Berita Harian pada 25/3/2018) menyatakan bahawa PBAPP telah "menyebabkan banjir" dengan tidak mengambil balik Rumah Pam Mak Sulong lebih awal adalah mengelirukan dan tidak munasabah.

Sementara itu, sila ambil perhatian bahawa KeTTHA sebelum ini bersetuju untuk 6 daripada 9 syarat yang disebut oleh PBAPP untuk penyerahan Empangan Mengkuang yang diperbesarkan. 3 syarat selebihnya adalah bagi KeTTHA untuk dipersetujui adalah:

- KeTTHA akan bertanggungjawab ke atas integriti struktur Empangan Mengkuang yang diperbesarkan sehingga ia diisi dan diuji pada tahap tertinggi 55 meter. Oleh itu, KeTTHA mesti menanggung kos melantik seorang kontraktor untuk melaksanakan kerja rektifikasi jika ada kerosakan yang dikesan.

- KeTTHA akan menjalankan kerja memperbaiki semua cerun di tapak empangan, berikutan tanah runtuh yang berlaku di lokasi dalam tempoh September - November 2017.
- KeTTHA akan menjalankan kerja membetulkan penutup rumput di bahu empangan.

Pulau Pinang bersedia untuk mengambil semula Empangan Mengkuang dari KeTTHA, apabila KeTTHA bersetuju dengan ketiga-tiga syarat tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa keutamaan PBAPP adalah untuk memastikan jaminan bekalan air ke arah 2050 dan "Tiada Catuan Air".

Sehubungan itu, PBAPP mesti memastikan bahawa keseluruhan projek MDEP, termasuk semua kerja-kerja yang berkaitan, diselesaikan sebagaimana yang ditetapkan dan dalam keadaan baik. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memastikan empangan berfungsi dengan baik sebagai rizab strategik kemarau terbesar di Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)